

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROGRAM GERAN PEMADANAN *CHANGE UPGRADE PRODUCT*
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan Program Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) bagi usahawan industri makanan dan asas tani.

LATAR BELAKANG

2. Program ini **dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi** di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) **menggunakan peruntukan Program Pembangunan Usahawan Pertanian dan Industri Makanan** yang disalurkan kepada Jabatan/Agensi.

3. Program ini **dipertimbangkan kepada usahawan industri makanan dan asas tani dalam Kategori Mikro** yang **memperoleh nilai jualan kasar tahunan di bawah RM300,000**. Nilai jualan hendaklah dibuktikan dengan penyata akaun atau penyata kira-kira yang telah diaudit oleh auditor bebas. Usahawan dengan nilai jualan ≤ RM100,000 diberi kelonggaran untuk mengemukakan buku simpan kira dan / atau penyata akaun bagi tempoh 6 bulan tertakluk kepada pengesahan JKTGP.

KRITERIA KELAYAKAN

4. Program ini dipertimbangkan kepada setiap usahawan **berdasarkan kriteria** seperti berikut:

- a. **Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016** [Akta 777] atau **didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956** [Akta 197]; atau
- b. **Persatuan nelayan yang berdaftar di bawah Akta Persatuan Nelayan 1971**; atau
- c. **Pertubuhan peladang yang berdaftar di bawah Perlembagaan Pertubuhan Peladang**; atau
- d. **Koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993** [Akta 502]; atau
- e. **Pertubuhan bukan Kerajaan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966**; atau

- f. **Mempunyai lesen perniagaan; dan**
 - g. **Mempunyai premis perniagaan/ruang khas perniagaan yang mempunyai lesen premis yang sah; atau**
 - h. **Peserta yang telah berjaya dan telah dipantau selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun di bawah Projek AZAM Tani, Program Rezeki Tani dan Program Agropreneur Muda**
5. Proses pencalonan peserta akan dikendalikan oleh Jabatan/Agensi Pelaksana di bawah MAFI berdasarkan tatacara pencalonan peserta program yang disediakan oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT) MAFI. Keutamaan diberikan kepada usahawan industri makanan dan asas tani seperti berikut:
- a. **Belum pernah diluluskan bantuan geran pemasangan oleh MAFI;**
 - b. **Mengusahakan produk terpilih yang berpotensi menjadi tumpuan pasaran seperti berikut;**
 - i) **Produk Kategori Makanan**
Produk makanan dan minuman, herba, rempah ratus, madu, farmaseutikal dan lain-lain produk berasaskan pertanian termasuk hasil pertanian yang melibatkan pemprosesan minima.
 - ii) **Produk Kategori Bukan Makanan/Asas Tani**
Produk yang dikeluarkan menggunakan hasil atau sisa tanaman, ternakan atau perikanan sebagai bahan utama.
 - c. Telah **menunjukkan prestasi perniagaan yang baik sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tidak diisyihar muflis dan untuk entiti yang diperbadankan tidak digulung;**
 - d. **Berpotensi ke tahap lebih tinggi jika keupayaan perusahaan ditingkatkan; dan**
 - e. **Memiliki ruang pasaran tetap (*secured market*).**
6. Usahawan yang telah diluluskan geran pemasangan ini **hanya boleh dipertimbangkan semula selepas tiga (3) tahun daripada tahun projek terdahulu selesai perolehan atau siap** seperti contoh di Jadual 1:

Jadual 1
Pertimbangan Semula Geran Pemadanan Kepada Usahawan (Contoh)

Kelulusan JKPG untuk Geran Terdahulu	Projek Selesai Perolehan atau Siap	Pertimbangan Semula
2018	2019	2023

7. Pertimbangan semula yang dirujuk di perenggan 6 di atas **tertakluk kepada syor Jawatankuasa Teknikal Geran Pemadanan (JKTGP) dan keputusan Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG).**
8. Usahawan yang telah diluluskan bantuan ini layak untuk memohon **Program Geran Pemadanan High Impact Product (HIP)** buat kali pertama, sekiranya memenuhi kriteria Program tersebut tanpa terikat kepada tempoh tiga (3) tahun bagi pertimbangan semula.

BANTUAN DITAWARKAN

9. Program ini menyediakan bantuan seperti di **Jadual 2:**

Jadual 2
Program Geran Pemadanan CUP

Perkara	Keterangan				
Skop	Kajian pembangunan kualiti produk	Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan	Peningkatan kapasiti pengeluaran	Penambahbaikan premis	Perolehan papan tanda perniagaan
Kadar	Geran penuh 100%	Geran pemadanan (Geran 70% Usahawan 30%)			
Nilai Geran	Maksimum RM1,000/permohonan	Maksimum RM60,000/permohonan (termasuk kajian pembangunan kualiti produk jika dipohon secara kombinasi)			

10. **Kajian pembangunan kualiti produk** meliputi kajian berkaitan bahan kandungan, keselamatan, analisis, nutrisi dan mikrobiologi makanan dan lain-lain kajian bagi tujuan meningkatkan kualiti produk tertakluk kepada syor JKTGP.
11. **Rekabentuk pembungkusan dan pelabelan produk** meliputi kos reka bentuk pembungkusan baharu, penambahbaikan reka bentuk sedia ada, acuan (*mould*) dan cetakan pertama (*first printing*) sahaja.
12. **Peningkatan kapasiti pengeluaran** meliputi aspek peningkatan keupayaan pengeluaran/pembungkusan melalui perolehan mesin dan peralatan (termasuk kos

pemasangan/pengujian) yang menambahbaik keberkesanan serta kecekapan perusahaan. **Kos pembinaan prototaip/bahan pembungkusan tidak layak dibiayai** di bawah skop ini.

13. **Penambahbaikan premis sedia ada** meliputi **penambahbaikan ruang pemprosesan sehingga penyimpanan produk siap sama ada** melalui pengubahsuaian susun atur premis atau binaan bangunan (termasuk sistem perparitan serta kumbahan) di atas tanah milik usahawan yang mematuhi keperluan persijilan tempatan dan antarabangsa seperti Halal, MeSTI, GMP, HACCP dan sebagainya yang disyorkan untuk diterima oleh Jawatankuasa Teknikal Geran Pemadanan (JKTGP). **Kos perunding tidak layak dibiayai** di bawah skop ini.

14. **Perolehan papan tanda perniagaan** meliputi **pembelian dan pemasangan papan tanda** pada premis atau di atas tanah kawasan premis perniagaan. Papan tanda tersebut hendaklah menjelaskan usahawan di bawah bimbingan MAFI/Jabatan/Agensi serta mematuhi ketetapan terma dan syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). **Kos lesen PBT dan polisi insuran perlindungan awam** bagi papan tanda perniagaan **tidak layak dibiayai** di bawah skop ini.

15. Usahawan boleh **memohon skop bantuan secara berasingan/kombinasi**, tertakluk kepada ketetapan terma dan syarat skop. Usahawan yang memohon di bawah skop kajian pembangunan kualiti produk secara berasingan boleh dipertimbangkan semula selepas 1 tahun daripada kajian siap dijalankan tertakluk kepada syor Jabatan/Agensi.

16. Kerajaan **membayai jumlah kos projek** (termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan) bagi setiap permohonan pada kadar:

- a. **100% sehingga maksimum RM1,000** di bawah skop **kajian pembangunan kualiti produk**; atau
- b. **70% sehingga maksimum RM60,000** di bawah skop **reka bentuk pembungkusan dan pelabelan, peningkatan kapasiti pengeluaran, penambahbaikan premis dan perolehan papan tanda perniagaan**.

17. Kelulusan secara **kombinasi dengan skop kajian pembangunan kualiti produk** dibantu melalui geran penuh/pemadanan sehingga **maksimum RM60,000** bagi setiap permohonan. **Usahawan perlu membayai baki 30% atau/dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan.**

PEMBIAYAAN MELALUI PINJAMAN

18. Usahawan boleh **membayai melalui pinjaman** bank bagi baki 30% atau/dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan, tertakluk kepada ketetapan terma dan

syarat kelayakan oleh pihak berkenaan. Mesin atau peralatan yang diperoleh **tidak boleh dicagarkan**.

19. Usahawan perlu mengemukakan surat tawaran/kelulusan pinjaman/mikro kredit daripada pihak bank atau agensi kewangan bagi membiayai 30% atau/dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan. Sekiranya usahawan tidak berhasrat untuk membiayai melalui pinjaman, usahawan dimohon untuk mengemukakan penyata bank bagi tiga bulan terkini. Laporan CTOS/CCRIS syarikat turut perlu dikemukakan semasa membuat permohonan, yang mana berkenaan.

PERMOHONAN BANTUAN

20. Usahawan hendaklah **mengemukakan borang permohonan** kepada Jabatan/Agensi Pelaksana. **Borang permohonan boleh diperoleh daripada Jabatan/Agensi Pelaksana** seperti berikut:

- i) Jabatan Pertanian (DOA)
- ii) Jabatan Perikanan (DOF)
- iii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
- iv) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- v) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- vi) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- vii) Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
- viii) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- ix) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- x) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
- xi) Pejabat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)
- xii) Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.
- xiii) Jabatan Pertanian Sabah (DOA Sabah)
- xiv) Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak)

21. Usahawan yang memohon skop bantuan secara kombinasi **hendaklah mengembalikan kepada Jabatan/Agensi Pelaksana** borang permohonan lengkap berserta dokumen sokongan seperti berikut:

- a. **Senarai Semak Permohonan Geran Pemadanan** seperti di **Lampiran 1**;
- b. **Tiga (3) salinan Borang Permohonan Geran Pemadanan** (Borang GPMAFI1) seperti di **Lampiran 2**;
- c. **Tiga (3) salinan Pelan Perniagaan** seperti di **Lampiran 3**; dan
- d. **Dokumen sokongan** berkaitan (daftar perniagaan, penyata bank, surat kelulusan pinjaman/mikro kredit(sekiranya perlu), salinan laporan

CTOS/CCRIS (sekiranya ada), salinan dokumen hak milik tanah, surat perjanjian sewa, sebut harga pembekal (kajian pasaran/tiga (3) sebut harga pembekal), katalog dan spesifikasi mesin/peralatan, pelan susun atur/*layout plan* dan butiran kerja/*bill of quantity* penambahbaikan premis, contoh visual dan gambar lokasi pemasangan papan tanda perniagaan), jika berkenaan.

22. Jabatan/Agensi **menilai permohonan usahawan berdasarkan keutamaan keperluan**, dan menentukan elemen projek yang layak dibiayai Kerajaan berdasarkan ketetapan skop Program, menggunakan **Borang Siasatan Penilaian** (Borang GPMAFI 2) seperti di **Lampiran 4**.
23. Jabatan/Agensi perlu mengemukakan ringkasan maklumat permohonan usahawan melalui Ibu Pejabat Jabatan/Agensi kepada Bahagian IMAT, MAFI. Bahagian IMAT, MAFI akan menyemak rekod penerimaan geran pemandanan sedia ada bagi memastikan usahawan yang dicadangkan memenuhi kriteria kelayakan dan mengelakkan berlaku pertindihan permohonan, sebelum memperakukan cadangan Jabatan/Agensi.

LAWATAN PENILAIAN TEKNIKAL

24. Jabatan/Agensi **membentuk Jawatankuasa Teknikal Geran Pemandanan (JKTGP)**, dan pihak lain yang berkemahiran di dalam bidang berkaitan boleh dilibatkan mengikut keperluan.
25. JKTGP **melawat premis usahawan** untuk menilai aspek teknikal permohonan berdasarkan maklumat di dalam **Borang Penilaian dan Pemantauan** seperti di **Lampiran 5**.
26. JKTGP **menyediakan Slaid Laporan Lawatan** seperti di **Lampiran 6** yang mengandungi maklumat, gambar berkaitan perniagaan/produk, kenyataan dan justifikasi permohonan serta senarai item yang dimohon oleh usahawan.

KELULUSAN GERAN

27. Jabatan/Agensi **membentuk Jawatankuasa Kelulusan Pemberian Geran (JKKPG)**, dan pihak lain yang berkemahiran di dalam bidang berkaitan boleh dilibatkan mengikut keperluan.
28. JKPG bersidang untuk **menimbang dan meluluskan item permohonan/nilai geran** kepada usahawan berdasarkan pembentangan laporan lawatan JKTGP.
29. Jabatan/Agensi **menyedia dan mengeluarkan surat keputusan JKPG, surat tawaran serta akuan setuju terima** kepada usahawan seperti di **Lampiran 7**.

30. Jabatan/Agensi perlu **mengemukakan maklumat kelulusan JKKPG** mengikut ketetapan format, secara berkala kepada Bahagian IMAT, MAFI untuk pengemaskinian rekod dan pemantauan usahawan.

URUSAN PEROLEHAN

31. Item yang diperoleh akan menjadi milik usahawan. Sehubungan dengan itu, usahawan dan Jabatan/Agensi hendaklah **membincangkan prosedur pelaksanaan projek berdasarkan spesifikasi item yang diluluskan** sebelum pelaksanaan perolehan.

32. Usahawan hendaklah **memaklumkan pertukaran pembekal/item perolehan** terlebih dahulu untuk perhatian dan maklum balas Jabatan/Agensi. Pertukaran ini tidak akan mengubah nilai geran yang diluluskan oleh JKKPG Jabatan/Agensi.

33. Usahawan bertanggungjawab **melaksanakan dan menyelaras kerja perolehan, serta membayar kepada pembekal baki 30% atau/dan nilai yang melebihi sumbangan Kerajaan (berdasarkan jumlah kos projek yang diluluskan).**

TUNTUTAN PEMBAYARAN

34. Usahawan hendaklah **mengemukakan bukti bayaran** dibuat kepada pembekal (jika berkenaan) dan tuntutan bayaran 70% melalui sumbangan Kerajaan kepada Jabatan/Agensi beserta dokumen sokongan seperti berikut.:

- i. Sebut harga yang dikeluarkan oleh syarikat pembekal;
- ii. Resit asal bayaran 30% atau baki daripada jumlah yang diluluskan atau resit asal bayaran 100%;
- iii. Invois dan *delivery order* (DO) asal yang telah disahkan oleh pegawai Jabatan/Agensi atau dokumen akuan siap kerja (penambahbaikan premis) yang ditanda tangan oleh kontraktor dan disahkan oleh pegawai Jabatan/Agensi;
- iv. Penyata bank pihak pembekal;
- v. Salinan Pendaftaran (Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Persatuan Nelayan / Pertubuhan Peladang / Suruhanjaya Koperasi Malaysia / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia) dan/atau Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan); dan
- vi. Dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat lain yang dirasakan wajar oleh Jabatan/Agensi.

35. Jabatan/Agensi bertanggungjawab **memantau, memperaku dan menyediakan laporan pengesahan projek serta membayar kepada :**

- a) **pembekal** mengikut pengesahan tuntutan/kemajuan kerja, berdasarkan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Justeru, tiada pemberian tunai kepada usahawan; atau
 - b) **usahawan** sekiranya usahawan telah membuat bayaran penuh kepada pembekal. 70% sumbangan kerajaan boleh dituntut oleh usahawan selepas bukti pembayaran dikemukakan kepada Jabatan/Agensi.
36. Pembekal yang dipilih bagi membekalkan perolehan perlulah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan terikat dengan peraturan-peraturan serta pekeliling-pekeliling kewangan Jabatan/Agensi yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

PEMBATALAN KELULUSAN

37. JKKPG berhak **membatalkan kelulusan geran** sekiranya usahawan gagal menyelesaikan tindakan dan tuntutan berkaitan dalam tempoh sembilan (9) bulan daripada tarikh surat tawaran.
38. Usahawan tidak boleh meninggalkan atau menjual perniagaan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh bantuan diberikan. Sekiranya berlaku, usahawan dikehendaki membayar balik jumlah bantuan yang telah diberikan.
39. Jabatan/Agensi diminta mengeluarkan surat peringatan sekiranya usahawan tidak memulakan projek dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan.
40. Sebarang permohonan pelanjutan tempoh pelaksanaan projek perlu mendapat kelulusan JKKPG terlebih dahulu. Usahawan dimohon untuk mengemukakan permohonan tersebut dalam tempoh 3 bulan sebelum tempoh pelaksanaan asal tamat. Tempoh maksimum pelanjutan yang dibenarkan adalah untuk sekali sahaja selama tiga (3) bulan bergantung kepada justifikasi yang dikemukakan.

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM

41. **Carta alir pelaksanaan** Program dijelaskan seperti di **Lampiran 8**.
42. Jabatan/Agensi perlu **melaporkan status pencapaian usahawan** mengikut ketetapan format, secara berkala (setiap suku tahun) bagi tempoh tiga (3) tahun bermula selepas tahun selesai perolehan atau siap. Usahawan perlu mengemukakan penyata kewangan (penyata kira-kira & penyata untung rugi) yang diaudit atau penyata prestasi jualan bagi pemantauan dan pengukuran peningkatan nilai jualan tahunan. Pelaporan ini membantu Bahagian IMAT, MAFI menilai keberkesanan dan menambahbaik kaedah pelaksanaan Program di masa hadapan.

43. Kementerian/Jabatan/Agensi perlu membuat hebahan tentang pelaksanaan program ini kepada kumpulan sasar melalui kaedah/platform yang bersesuaian supaya mereka yang layak boleh memohon.

KEKECUALIAN

44. Jabatan/Agensi hendaklah **mematuhi garis panduan pelaksanaan** Program. Sebarang pengubahsuaian berhubung ketetapan ini hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Bahagian IMAT, MAFI.

Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
30 Mac 2021

Lampiran 1

SENARAI SEMAK PERMOHONAN GERAN PEMADANAN

Sila tandakan (✓) pada dokumen-dokumen di bawah yang dilengkapkan dan dilampirkan bersama borang permohonan.

		Semakan Jabatan/Agensi Pelaksana
1. Borang Permohonan		
a. Maklumat pemohon	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Kursus-kursus yang pernah dihadiri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Butir-butir perusahaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d. Pengakuan pemohon	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Pelan Perniagaan (jika berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Maklumat Sokongan Lain		
a. Nama dan profil pembekal perkhidmatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Sebut harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Salinan Dokumen yang Disahkan		
a. <i>Memorandum and Articles of Association</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b. Penyata kewangan syarikat yang terkini dan diaudit, penyata untung rugi, penyata bank, laporan CTOS/CCRIS (jika berkenaan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c. Lesen perniagaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d. Lesen pengilang (jika ada).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); atau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
f. Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Borang GPMAFI2 (Borang siasatan oleh Jabatan Pembimbing)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

*Untuk Kegunaan Jabatan/Agensi Pelaksana:

Tarikh Semakan : _____

Nama Penyemak : _____

Tandatangan : _____

BORANG GPMAFI 1
(Diisi dalam 3 salinan)



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, NO 28 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA, MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN GERAN PEMADANAN

1. Permohonan Individu:

- a. Nama Pemohon : _____

- b. No. Kad Pengenalan : _____

- c. Tarikh Lahir : _____

- d. Alamat Surat Menyurat : _____

- e. No. Telefon/Faks/E-mel : _____

- f. Taraf Pendidikan : _____

- g. Jawatan : _____

- h. Pendapatan : _____

2. Butir-butir Syarikat:

- a. Nama Syarikat : _____

- b. No. Pendaftaran Perniagaan : _____

- c. Alamat Syarikat : _____

- d. Tarikh Permohonan Dibuat: _____

3. Kursus-kursus Yang Pernah Dihadiri (berkaitan aktiviti yang dipohon):

a.	<u>Jenis-jenis</u>	<u>Tempat</u>	<u>Tarikh/Anjuran</u>
i.	_____	_____	_____
ii.	_____	_____	_____
b.	Pengalaman Dalam Aktiviti Yang Dipohon:	_____	

4. Butir-butir Perusahaan:

a.	Alamat Perusahaan	:	_____
b.	No. Pendaftaran Perniagaan (jika ada)	:	_____
c.	Tarikh Mula Operasi	:	_____
d.	Bil. Pekerja Sedia Ada	:	_____
e.	Punca Modal Untuk Memulakan Perusahaan	:	_____
f.	Taraf Pengeluaran Dan Perkhidmatan	:	_____
g.	<u>Jenis Pengeluaran</u>	<u>Keluaran/Sebulan</u>	<u>Nilai/Bulan (RM)</u>
i.	_____	_____	_____
ii.	_____	_____	_____
h.	Jumlah Pelaburan Untuk Perusahaan Sedia Ada:	_____	
i.	Tahap Teknologi/Mekanisasi Sedia Ada Untuk Proses Pengeluaran Ataupun Perkhidmatan:	Perkara	Nilai (RM)
i.	_____	_____	_____
ii.	_____	_____	_____

- j. Maklumat Pasaran/Permintaan Pengeluaran/Perkhidmatan Sedia Ada:
- i. _____
- ii. _____
- k. Geran Pemadanan Yang Dipohon:
- Kajian Pembangunan Kualiti Produk
Reka Bentuk Pembungkusan & Pelabelan
Peningkatan Kapasiti Pengeluaran
Penambahbaikan Premis
Perolehan Papan Tanda Perniagaan
- (potong yang tidak berkenaan dan lengkapkan Lampiran A).

5. Pengesahan/Sokongan Jabatan/Agensi Pelaksana:

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama Pegawai : _____

Jawatan : _____

Cop Jabatan : _____

6. Pengakuan Pemohon:

Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat yang dikemukakan ini adalah benar. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya mengemukakan sebarang butiran yang palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

Saya akan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dan bersedia untuk menandatangani surat Akuan Setuju Terima terhadap tawaran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan jika saya dipilih menyertai Program Geran Pemandanan Bagi Usahawan Industri Makanan dan Asas Tani.

Nama Pemohon : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nota kepada Pemohon:

Permohonan dianggap tidak berjaya diproses sekiranya tiada maklum balas daripada Jabatan/Agensi dalam tempoh tiga (3) bulan selepas permohonan dikemukakan.

7. Untuk Kegunaan Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Pelaksana:

Tarikh Penerimaan : _____

Nama Penerima : _____

Cop Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Lampiran A

SENARAI ITEM PERMOHONAN

* Nota : Sebut harga perolehan perlu dilampirkan

(Diisi dalam 3 salinan)

PANDUAN PENYEDIAAN PELAN PERNIAGAAN

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA**

**KERTAS CADANGAN PROJEK
PROGRAM GERAN PEMADANAN
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

NAMA SYARIKAT:

TAJUK PROJEK:

NOTA:

- i. Syarikat hanya perlu mengisi bahagian-bahagian yang terlibat di dalam pelaksanaan projek sahaja.
- ii. Sila lampirkan bersama dokumen-dokumen yang berkaitan bagi setiap bahagian yang telah diisi.

1. RINGKASAN PROJEK

- a. Nyatakan objektif projek yang ingin dicapai oleh syarikat.

- b. Keterangan dan latar belakang projek menunjukkan peningkatan di dalam pembangunan produk dan perkhidmatan yang berkaitan.

- c. Nyatakan faedah yang dijangka diperolehi dalam tempoh tiga (3) tahun setelah objektif projek tercapai.

	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
i. Anggaran jualan tahunan (RM)			
ii. Anggaran keuntungan tahunan (RM)			
iii. Anggaran peningkatan pengeluaran			
iv. Faedah-faedah lain yang diperolehi (sila nyatakan)			

2. CADANGAN PELAKSANAAN

Senaraikan aktiviti-aktiviti penting dan tempoh masa yang terlibat di dalam melaksanakan projek dengan mengisi jadual di bawah.

- a. Tempoh Projek : _____ bulan
- b. Tarikh Mula Projek : _____
- c. Tarikh Siap Projek : _____

Carta Pelaksanaan Projek

Aktiviti	Tempoh (bulan)											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12

d. Keperluan Teknikal

Pembekal perkhidmatan/kontraktor

Nama Syarikat:

Alamat : :

Tel:

Faks:

3. KOS KAJIAN PEMBANGUNAN KUALITI PRODUK

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Sumber/Pembekal	Kos (RM)
JUMLAH			

4. KOS REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Sumber/Pembekal	Kos (RM)
	JUMLAH		

5. KOS PEROLEHAN MESIN

Bil.	Nama Mesin	Kegunaan	Kos (RM)
	JUMLAH		

6. KOS PEROLEHAN PERALATAN

Bil.	Nama Peralatan	Kegunaan	Kos (RM)
	JUMLAH		

7. KOS PENAMBAHBAIKAN PREMIS/KILANG

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Sumber/Pembekal	Kos (RM)
	JUMLAH		

8. KOS PEROLEHAN PAPAN TANDA PERNIAGAAN

Bil.	Keterangan Perkhidmatan	Sumber/Pembekal	Kos (RM)
	JUMLAH		

9. RINGKASAN KOS PROJEK

Bil.	Keterangan Kos	Kos Projek (RM)
1.	Kajian Pembangunan Kualiti Produk	
2.	Reka Bentuk Pembungkusan dan Pelabelan	
3.	Perolehan Mesin	
4.	Perolehan Peralatan	
5.	Penambahbaikan Premis/Kilang	
6.	Perolehan Papan Tanda Perniagaan	
	JUMLAH	

10. PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa mengikut pengetahuan saya semua keterangan dan maklumat yang diberi adalah benar.

Nama Pemohon : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Borang GPMAFI 2

No. Rujukan Borang Permohonan: _____

**BORANG SIASATAN PENILAIAN DAN PERAKUAN SOKONGAN
PERMOHONAN PROGRAM GERAN PEMADANAN
BAGI USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

Borang ini hendaklah diisikan dengan lengkap oleh Jabatan/Agenzi Pelaksana.

Arahan.

Sila isikan unjuran markah mengikut skala yang disediakan di bawah ini.

Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
1, 2	3, 4	5, 6	7, 8	9, 10

1. Butir-butir Pemohon
 - a. Nama (Huruf Besar) : _____
 - b. No. Kad Pengenalan : _____
 - c. Alamat : _____

2. Butir-butir Syarikat
 - a. Nama Syarikat : _____
 - b. No. Pendaftaran Perniagaan : _____
 - c. Alamat Syarikat : _____

 - d. Tarikh Permohonan Dibuat : _____

3. Maklumat-maklumat Siasatan
 - a. Butir-butir pemohon (Tandakan ✓)

 Betul
Salah

Jika salah nyatakan yang betul

b. Sikap Nilai Calon

Perkara	Penilai I	Penilai II
	Skala	
i. Bertanggungjawab	<input type="text"/>	<input type="text"/>
ii. Berdisiplin	<input type="text"/>	<input type="text"/>
iii. Jujur	<input type="text"/>	<input type="text"/>
iv. Berwawasan	<input type="text"/>	<input type="text"/>
v. Inovatif dan Proaktif	<input type="text"/>	<input type="text"/>
vi. Komitmen	<input type="text"/>	<input type="text"/>
vii. Integriti	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Markah: _____ X 25% = _____

70

c. Pengetahuan dan Kemahiran

Perkara	Penilai I	Penilai II
	Skala	
i. Pengetahuan teknikal dalam bidang kerja	<input type="text"/>	<input type="text"/>
ii. Pengetahuan dalam pengurusan projek	<input type="text"/>	<input type="text"/>
iii. Pengetahuan dalam aspek pemasaran	<input type="text"/>	<input type="text"/>
iv. Pengetahuan dalam asas kira-kira	<input type="text"/>	<input type="text"/>

Markah: _____ X 25% = _____

40

d. Laporan Siasatan

i. Tahap pengeluaran

Jenis	Keluaran/bulan	RM/bulan
<hr/>	<hr/>	<hr/>

Penilai I Penilai II

Skala

Umumnya pengeluaran pada tahap berikut:

ii. Kemudahan untuk mendapatkan input-input pengeluaran

Perkara

Penilai I Penilai II

Skala

Bahan mentah

Tenaga kerja

Penyelenggaraan

iii. Tahap penggunaan teknologi moden dalam proses pengeluaran/ perkhidmatan

iv. Amalan kebersihan yang diamalkan

v. Kemudahan/peralatan diselenggara dengan cara yang betul

_____ _____

Markah: _____ X 25% = _____

70

e. Senarai peralatan sedia ada

Peralatan

Nilai (RM)

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____

vi. _____

vii. _____

viii. _____

ix. _____

x. _____

- f. Potensi dan peluang perkembangan perusahaan di masa akan datang
Penilai I Penilai II

Skala

- | | | | |
|------|--|----------------------|----------------------|
| i. | Keupayaan modal pemohon bagi tingkatkan perusahaan | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| ii. | Peluang pemasaran bagi pengeluaran | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| iii. | Mudah mendapatkan tenaga kerja | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| iv. | Mudah mendapatkan bahan mentah | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| v. | Peserta mampu dan berinisiatif untuk maju | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| vi. | Pengurusan projek akan lebih teratur dan terancang | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| vii. | Pengeluaran boleh dipelbagaikan | <input type="text"/> | <input type="text"/> |

Markah: _____ X 25% = _____

70

4. Ulasan dan komen

- a. Ulasan dan komen Pegawai Jabatan/Agenzi Pelaksana Negeri (Penilai I)

Nama : _____
Jawatan : _____
Tempat bertugas : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

- b. Ulasan dan komen Pegawai Kanan/Pengarah Jabatan/Agensi Pelaksana Negeri (Penilai II)

Nama : _____
Jawatan : _____
Tempat bertugas : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

5. Sokongan dari Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Pelaksana

Nama : _____
Jawatan : _____
Tempat bertugas : _____
Tandatangan : _____
Tarikh : _____

**BORANG PENILAIAN DAN PEMANTAUAN
LAWATAN TEKNIKAL PREMIS USAHAWAN**

Arahan

Sila isikan unjuran markah mengikut skala yang disediakan di bawah ini.

Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi
1, 2	3, 4	5, 6	7, 8	9, 10

1. Butir-butir pelawat

- a. Nama : _____
- b. Jawatan : _____
- c. Jabatan/Bahagian : _____
- d. Tarikh : _____

2. Butir-butir syarikat pemohon

- a. Nama Syarikat : _____
- b. Alamat Syarikat : _____

- c. Nama Pemohon (Huruf besar) : _____

3. Peningkatan tahap pengeluaran

:

4. Pengeluaran produk

:

5. Kesesuaian mesin/peralatan yang dipohon

:

6. Susun atur premis, daya saing produk

:

7. Daya maju perniagaan

:

PERAKUAN

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya mengemukakan sebarang butiran yang palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Klausula 463 Kanun Keseksaan Malaysia [Akta 574] atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

CIP

SLAID LAPORAN LAWATAN JKTGP

NAMA SYARIKAT/PERUSAHAAN

Nama Pemohon	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon/Faks/Emel	
No. Pendaftaran Perniagaan	
Alamat Syarikat	
Jenis Pengeluaran	
Nilai Jualan Tahunan	RM
Tahap Usahawan	
Jenama	
Jenis Projek Dipohon	
Jumlah Kos Projek	RM
Tarikh Lawatan	
Jabatan/Agensi Pembimbing	

NAMA SYARIKAT/PERUSAHAAN

GAMBAR LAWATAN PENILAIAN TEKNIKAL

Contoh:

- Premis
- Produk
- Mesin/Peralatan Pemprosesan Sedia Ada
- Kawasan Pemprosesan
- Kawasan Penyimpanan Bahan Mentah/Produk Siap

SLAID LAPORAN LAWATAN JKTGP

NAMA SYARIKAT/PERUSAHAAN

LAPORAN LAWATAN PENILAIAN TEKNIKAL

Contoh:

- Kenyataan usahawan berhubung perniagaan, pengeluaran dan pasaran bagi produk sedia ada
- Justifikasi usahawan terhadap permohonan bantuan

NAMA SYARIKAT/PERUSAHAAN

SENARAI PERMOHONAN

PERAKUAN OLEH JK TEKNIKAL

Bil.	Cth: Jenis Peralatan/Mesin	Bil Unit	Anggaran Kos (RM)	YA/TIDAK	CATATAN
					80% = RM 20% = RM
JUMLAH KESELURUHAN					

Ruj. Kami:
Tarikh:

(Alamat Syarikat)

SURAT SETUJU TERIMA

Tuan/Puan,

SURAT SETUJU TERIMA BAGI GERAN DI BAWAH PROGRAM GERAN PEMADANAN *CHANGE UPGRADE PRODUCT (CUP)* UNTUK PENINGKATAN PENGELOUARAN DAN PENAMBAHBAIKAN PREMIS USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada permohonan daripada tuan/puan/syarikat berkaitan dengan perkara yang tersebut di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan Kerajaan bersetuju untuk menawarkan geran sebanyak tidak melebihi **Ringgit: jumlah geran dalam perkataan (RM: jumlah geran dalam digit)** ke atas Projek (selepas ini dirujuk sebagai “Projek”) yang akan bermula dari **(tarikh mula)** sehingga **(tarikh siap)**.
3. Tawaran ini adalah tertakluk kepada Perincian Kos Projek dan Butiran kelulusan Geran (**Lampiran I**) dan Aku Janji Pematuhan Kepada Syarat Am Penerimaan Tawaran (**Lampiran II**). Sila kembalikan Surat Akuan Penerimaan ini (seperti yang dilampirkan sebagai (**Lampiran III**) yang telah lengkap diisi kepada(isikan dengan butiran bahagian di Jabatan/Agensi yang berkaitan) dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Sekiranya tuan/puan/syarikat tidak mengembalikan Surat Akuan Penerimaan dalam tempoh 14 hari, tawaran ini dianggap telah ditolak.
4. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dan tuan/puan/syarikat dan Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.
5. Sila ambil perhatian, tawaran dalam Surat ini boleh ditarik balik atau ditamatkan pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan atau apa-apa notis lain sekiranya didapati pihak tuan/puan/syarikat gagal memenuhi mana-mana syarat seperti di Lampiran I, II dan III atau dikesan telah memberikan maklumat palsu atau dalam keadaan lain yang difikirkan munasabah oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(Nama)

(Jawatan / Bahagian)

b.p.: Ketua Pengarah / Pengurus Besar

(Jabatan / Agensi)

s.k.:

A large, light gray, stylized ampersand symbol (&) is centered on the page, serving as a placeholder for a handwritten signature.

LAMPIRAN I

PERINCIAN KOS PROJEK DAN BUTIRAN KELULUSAN GERAN

i. Perincian Kos Projek

Nama Syarikat :

Bil	Perkara	Kuantiti	Kos Projek (RM)	Geran Diluluskan (RM)
1.	1. Skop Projek : xxxx			
	1.1 xxxx			
	1.2 xxxx			
	2. Skop Projek : xxx			
	2.1 xxx			
	2.2 xxx			
JUMLAH		xxxx	xxxx	xxxx

LAMPIRAN II

SURAT AKU JANJI BAGI PENERIMA GERAN DI BAWAH PROGRAM GERAN PEMADANAN *CHANGE UPGRADE PRODUCT (CUP)* UNTUK PENINGKATAN PENGELOUARAN DAN PENAMBAHBAIKAN PREMIS USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

1. Saya , Kad Pengenalan (selepas ini dirujuk sebagai "Penerima") yang menjalankan perniagaan bagi pihak mengakui penerimaan saya bagi tawaran seperti dalam Surat Akuan Penerimaan bertarikh yang ditandakan sebagai Lampiran III dengan sesungguhnya berjanji untuk mematuhi syarat dan terma yang dinyatakan seperti di bawah.
2. Penerima hendaklah mematuhi syarat-syarat bagi Bantuan Geran Pemadanan "*Change Upgrade Product*" seperti berikut:
 - (i) bersetuju sekiranya Penerima gagal atau enggan atau engkar untuk memulakan atau menyempurnakan projek seperti yang tersebut di dalam surat kelulusan bertarikh selewat-lewatnya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat kelulusan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhak membatalkan tawaran geran kepada Penerima. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kelulusan ditarik balik.
 - (ii) mengetahui dan bersetuju bahawa prosiding mahkamah boleh diambil terhadap Penerima dan Penerima hendaklah membayar ganti rugi, menanggung apa-apa kos termasuk kos guaman, dan atau apa-apa sahaja kos yang ditanggung oleh MAFI akibat daripada kegagalan kami untuk memulakan atau melaksanakan projek seperti yang diluluskan.
 - (iii) mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh pelaksanaan projek dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh pelaksanaan asal tamat (jika berkaitan), dengan tempoh maksimum pelanjutan yang dibenarkan adalah untuk sekali sahaja selama tiga (3) bulan bergantung kepada justifikasi yang dikemukakan.
 - (iv) bersetuju geran Penerima boleh ditarik balik dan Penerima boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk tindakan jenayah di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di negara ini sekiranya pihak Penerima didapati memberi maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan permohonan ini.
 - (v) bersetuju untuk mengemukakan invois dan resit pembelian atau sebarang bukti pembelian yang sah (yang berkaitan) seperti yang

dipohon oleh pihak MAFI bagi tujuan pembayaran tuntutan yang akan dikemukakan kelak.

- (vi) bersetuju untuk memberikan kerjasama yang diperlukan kepada agensi Kementerian (Jabatan/Agensi Pelaksana) yang menawarkan geran ini kepada pihak Penerima. Ini terutamanya berkenaan dengan maklumat prestasi syarikat pada setiap tiga (3) bulan setelah tamat pelaksanaan projek yang dibiayai bersama oleh geran ini untuk tempoh pemantauan selama tiga (3) tahun.
 - (vii) tidak boleh meninggalkan atau menjualkan perniagaan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh geran diberikan. Sekiranya berlaku, pihak Penerima dikehendaki membayar balik jumlah geran yang telah diberikan
 - (viii) hendaklah memaklumkan pertukaran pembekal/item perolehan terlebih dahulu melalui Jabatan/Agensi Pelaksana. Pertukaran ini tidak akan mengubah nilai geran yang diluluskan.
3. Kerajaan boleh menamatkan tawaran ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan atau apa-apa notis lain kepada Penerima, sekiranya Penerima didapati—
- (i) Gagal mematuhi mana-mana syarat dan terma yang terkandung dalam Surat Setuju Terima, Surat Akuan Penerimaan dan Surat Aku Janji ini;
 - (ii) Membuat salah nyataan (misrepresentation) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan;
 - (iii) syarikat Penerima digulungkan.
4. Bagi membolehkan Jabatan/Agensi membuat pembayaran, tuntutan pembayaran geran hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen berikut:
- (i) Sebut harga yang dikeluarkan oleh syarikat pembekal;
 - (ii) Resit asal bayaran 30% **atau** baki daripada jumlah yang diluluskan **atau** resit asal bayaran 100%;
 - (iii) Invois dan delivery order (DO) asal yang telah disahkan oleh pegawai Jabatan/Agensi atau dokumen akuan siap kerja (penambahbaikan premis) yang ditanda tangani oleh kontraktor dan disahkan oleh pegawai Jabatan/Agensi;

- (iv) Penyata bank pihak pembekal;
- (v) Salinan Pendaftaran (Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Persatuan Nelayan / Pertubuhan Peladang / Suruhanjaya Koperasi Malaysia / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia) dan/atau Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan); dan
- (vi) Dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat lain yang dirasakan wajar oleh pihak Jabatan/Agensi.

Nama : Nama Saksi :

No. K/P : No. K/P :

Jawatan : Jawatan :

Cop Syarikat : Cop Syarikat :

Nama Saksi :
(Jabatan/Agensi Pelaksana)

No. K/P :

Jawatan :



LAMPIRAN III

SURAT AKUAN PENERIMAAN

PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN BAGI TAWARAN GERAN DI BAWAH PROGRAM GERAN PEMADANAN CHANGE UPGRADE PRODUCT (CUP) UNTUK PENINGKATAN PENGELOUARAN DAN PENAMBAHBAIKAN PREMIS USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat setuju terima dan lampiran yang berkaitan bagi tawaran yang disebut dalam Surat Setuju Terima bertarikh rujukan dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini dan lampiran yang berkaitan tanpa syarat.

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

Cop Syarikat :

Nama saksi :

No. K/P :

Jawatan :

Cop Syarikat :

**CARTA ALIR PELAKSANAAN
PROGRAM GERAN PEMADANAN CHANGE UPGRADE PRODUCT BAGI
USAHAWAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**





